

MB wakili rakyat ucap tahniah kepada Sultan Ibrahim

JOHOR BAHRU 23 Mac - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengucapkan tahniah kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar atas Istiadat Kemahkotaan baginda yang berlangsung hari ini.

Dalam status terkini laman Facebook beliau, Mohamed Khaled turut mendoaakan semoga Sultan Ibrahim terus diberkati Allah semasa bersemayam di atas takhta kerajaan Johor Darul Ta'zim dengan penuh keberkatan dan sejahtera.

“Saya mewakili kerajaan negeri dan seluruh bangsa Johor menjunjung setinggi-

tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas Kemahkotaan Tuanku Sultan Johor.

“Seluruh rakyat Johor berdoa ke hadrat Allah agar Tuanku terus

diberkati bersemayam di atas takhta Kerajaan Johor Darul Ta'zim dengan

penuh keberkatan dan kesejahteraan,” katanya.

Hari ini Sultan Ibrahim yang diputerakan pada 22 November 1958 mencatat sejarah baharu dan meneruskan tradisi Kesultanan Johor Moden apabila dimahkotakan sebagai Sultan Johor selepas upacara itu kali terakhir diadakan pada tahun 1960.

Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor yang diadakan dengan gemilang, penuh tradisi dan mengikut adat istiadat Kesultanan Johor itu berlangsung di Istana Besar, di sini.

Dalam istiadat tersebut, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah turut dimahkotakan sebagai Permaisuri Johor, gelaran yang pertama kali digunakan di negeri ini.

Mahkota Kerajaan dan Mahkota Per-

maisuri Johor itu dipakai di kepala Sul-

tan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah oleh

Mufti Johor, Datuk Tahrir Samsuddin.



**MOHAMED
KHALED NORDIN**